

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
25 MAC 2016**

---

**1. MAJLIS CABUTAN PEMENANG PROMOSI CUKAI PINTU 2016**

Sukacita dimaklumkan bahawa MPSP telah berjaya memungut cukai taksiran sebanyak **RM80.75 juta** sepanjang tempoh Promosi Cukai Pintu 2016 yang telah bermula pada 15 November 2015 dan dilanjutkan sehingga 29 Februari 2016. Jumlah ini telah melebihi daripada sasaran yang telah diselaras oleh Jabatan selari dengan lanjutan tempoh iaitu sebanyak RM74 juta.

Daripada jumlah kutipan tersebut, sebanyak **42,178** akaun telah layak untuk menyertai cabutan bertuah berbanding Promosi 2015 yang lalu iaitu sebanyak **37,443** akaun iaitu peningkatan sebanyak 12.65% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Majlis Cabutan Pemenang Promosi Cukai Pintu 2016 akan diadakan sejurus selepas selesai Mesyuarat Majlis Penuh pada hari ini. Daripada jumlah **42,178** akaun yang layak, 5 pemenang

bagi kategori bayaran secara “online” dan **50** pemenang bagi kategori biasa akan ditentukan.

Para pemenang berkenaan akan dihubungi oleh Jabatan Perbendaharaan MPSP bagi urusan pengesahan serta akan dijemput untuk hadir ke Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah akan diadakan pada bulan April 2016 bagi menentukan kedudukan hadiah yang bakal dimenangi.

Warga Seberang Perai boleh menyemak senarai pemenang cabutan bertuah Promosi Cukai Pintu 2016 di laman web mpsp iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) mulai 26 Mac 2016.

## **2. PERMOHONAN UNTUK LESEN PENGANJUR PASAR RAMADHAN**

Dimaklumkan bahawa, Permohonan untuk **Lesen Penganjur Pasar Ramadhan** akan mula dibuka mulai **01 April 2016** dan tarikh tutup permohonan adalah **29 April 2016**. Borang-borang untuk penganjur Pasar Ramadhan boleh diperolehi mulai **01 April 2016** di :-

- i) Kaunter Berpusat Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda.
- ii) Kaunter MPSP Cawangan Butterworth di Jalan Kampung Jawa, Butterworth
- ii) Kaunter MPSP Cawangan Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan.

Borang-borang akan diproses oleh Jabatan Pelesenan dan keputusan permohonan akan mula dikeluarkan pada **09 Mei 2016**. Taklimat kepada penganjur dijadualkan akan diadakan pada **16 Mei 2016**. Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Jabatan Pelesenan, MPSP ditalian no. 04-5497679 / 04-5497682.

### **3. SESI “TOWN HALL” DIALOG BAJET MPSP 2017**

Sukacitanya di sini saya ingin memaklumkan bahawa Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2017 akan diadakan pada 26 Mac 2016 (Sabtu) jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang bertempat di Hotel Ixora, Bandar Perai Jaya, Perai. Sesi ini bertujuan untuk melibatkan wakil komuniti yang mewakili penduduk Seberang Perai dalam merangka bajet 2017 dengan memberi input, pandangan dan cadangan bagi menambahbaik perkhidmatan MPSP. Oleh itu,

saya ingin menjemput individu-individu, wakil-wakil komuniti, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Agensi Kerajaan dan Swasta yang ingin turut serta dalam sesi ini.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn. Rahida Binti Abdul Rahim atau Pn. Aida Binti Ishak di talian 04-5497 841/464 atau email [rahida@mpsp.gov.my](mailto:rahida@mpsp.gov.my) / [aida@mpsp.gov.my](mailto:aida@mpsp.gov.my).

#### **4. PENGANJURAN STAR SANCTUARY SEBERANG PERAI PHOTOGRAPHY AWARDS (SSSPP AWARDS) 2016**

*Star Sanctuary Seberang Perai Photography (SSSPP) Awards 2016* adalah Program *Corporate Social Responsibility (CSR)* oleh Star Sanctuary Land Sdn Bhd. Program ini dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama Star Sanctuary Land Sdn Bhd selama 5 tahun bermula tahun 2016 sehingga tahun 2020. Objektif utama bagi penganjuran SSSPP Awards 2016 adalah untuk memberi peluang kepada komuniti Seberang Perai khasnya untuk berkarya melalui fotografi. SSSPP Awards 2016 adalah bertemakan ALAM SEMULAJADI DI SEBERANG PERAI. Pemilihan tema SSSPP Awards 2016 adalah *My Pantai Bersih* dengan memposisikan *#MyPantaiBersih* sebagai hashtag di

media sosial yang akan bermula pada 15 April 2016 sehingga 15 Julai 2016 yang mempunyai 4 kategori yang akan dipertandingkan iaitu:

- i). Kategori Professional
- ii). Kategori Penduduk yang Lahir di Seberang Perai
- iii). Kategori Pelajar Sekolah Menengah berumur Sehingga 19 Tahun (Sekolah Menengah Seberang Perai)
- iv). Kategori Penyertaan Media Sosial Melalui instagram.

SSSPP Awards 2016 ini adalah salah satu pengisian program Pelan Butterworth Baharu yang wujud sebagai pemangkin dalam merencanakan konurbasi ekonomi Wilayah Utara khususnya.

## **5. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan untuk kali ke-12 pada 3 April 2016 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Aktiviti yang telah dirancang pada Program CFM adalah acara kayuhan basikal bermula dari Kompleks Sony ke tapak Program *Car Free Morning, Busking, Gaint Bubble*, gerai jualan dan pameran, senamrobik, kaunter bayaran bergerak, jualan e-Waste dan banyak lagi aktiviti menarik. Datanglah beramai-ramai untuk memeriahkan lagi MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai.

## **6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 3 April 2016 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 17 April 2016 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 24 April 2016 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**